

# Yun Wei idam pingat emas

**Ubon Ratchathani:** Atlet bola keranjang wanita negara, Tan Yun Wei berharap penyertaan kali ketiganya di Sukan Universiti Asean (AUG) bakal menamatkan penantian kilauan emas buat kontinjen negara dalam acara berkenaan.

Yun Wei yang juga penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, walaupun sedar misi itu sukar, dia bertekad mempamerkan aksi terbaik bagi membantu pasukan mencapai keputusan positif di pada edisi kali ini.

Katanya, pada dua edisi terdahulu yang disertainya di Singapura pada 2016 dan Myanmar pada 2018, dia hanya berjaya membantu skuad bola keranjang wanita negara menduduki tempat ketiga dan meraih gangsa.

“Ini kali ketiga saya sertai AUG dan mungkin ia adalah yang terakhir. Oleh sebab itu, saya mahu melakukan sesuatu yang lebih manis bersama pasukan di AUG 2022. Saya mahukan emas, saya sedar sasaran itu sukar namun tidak mustahil.

“Segalanya-galanya boleh berlaku dan peluang itu te-

tap ada. Saingan utama dalam acara bola keranjang wanita adalah Thailand dan kita harap dapat mengatasi mereka,” katanya yang mengambil jurusan Pendidikan di UPM.

Mengulas mengenai perjalanan kariernya, Yun Wei berkata, ketika ini dia beraksi bersama kelab MYKC Dragons yang bersaing dalam Liga Bola Keranjang Kebangsaan.

“Saya aktif dalam sukan bola keranjang sejak di bangku sekolah lagi dan berharap dapat mewakili negara di peringkat tertinggi pada satu hari nanti termasuk di Sukan Sea,” katanya.



**“  
Saya mahu  
melakukan  
sesuatu yang  
lebih manis  
bersama pasukan  
Yun Wei**